

Subsidi petrol terbesar 1 Januari

Syor subsidi lebih tinggi penerima PSP

FOMCA anggap kadar RM30 bagi kereta, RM12 untuk motosikal setiap bulan rendah

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mencadangkan supaya kerajaan memberikan kadar subsidi lebih tinggi kepada penerima Program Subsidi Petrol (PSP) mengambil kira kadar kos sara hidup dihadapi rakyat ketika ini.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kelayakan subsidi RM30 bagi



Sepatutnya boleh beri

lebih lagi, sebab kebanyakan orang ketika ini banyak berulang jauh dan kos itu adalah tinggi.

Mohd Yusof Abdul Rahman,
Timbalan Presiden FOMCA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

PROGRAM SUBSIDI PETROL 7 OKTOBER 2019



Saifuddin Nasution pada sidang media mengenai PSP di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kereta dan RM12 bagi motosikal setiap bulan bagi salah satu kenamaan dimiliki adalah rendah.

"Sepatutnya boleh beri lebih lagi, sebab kebanyakan orang ketika ini banyak berulang jauh dan kos itu adalah tinggi," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal EHWal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Is-

mail semalam berkata kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) di Semenanjung akan mendapat manfaat daripada PSP bermula Januari 2020.

Kelayakan subsidi dihadkan kepada salah satu kenderaan yang memiliki kadar subsidi lebih tinggi iaitu RM30 sebulan bagi kereta manakala RM12 bagi motosikal untuk tempoh empat bulan sekali bermula Januari

tahun depan.

PSP membabitkan jumlah tanggungan oleh kerajaan sebanyak RM65.4 juta sebulan.

Objektif PSP bagi mengurangkan kos sara hidup bagi isi rumah berpendapatan rendah RM4,000 dan ke bawah termasuk golongan Kurang upaya (OKU) dan memiliki kenderaan dikenal pasti sebagai golongan yang layak menerima subsidi.